



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JMK 101 – PENGANTAR KESUSAstERAAN

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Pilih dan jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan naratif? Bincangkan kedudukan puisi dalam naratif.
(b) Mengapakah karya moden seperti novel disifatkan sebagai kreativiti yang bersifat individualistik?
(25 markah)

2. (a) Huraikan unsur personifikasi dalam puisi dan sertakan contohnya.
(b) Huraikan unsur imejan dalam puisi dan sertakan contoh yang sesuai.
(25 markah)

3. Bincangkan definisi kesusasteraan mengikut pandangan Wellek dan Warren sebagaimana yang terdapat dalam buku *Theory of Literature*.
(25 markah)

4. Bincangkan pemikiran yang cuba diungkapkan oleh penyair dalam puisi “Anak Jiran Tionghua” (Rujuk Lampiran).
(25 markah)

5. Pada pendapat anda mengapakah watak Haji Manaf, Dahalan dan Daud dihadirkan dalam novel *Penghujung Musim Duka*, karya Norhisham Mustafa?
(25 markah)

6. Bincangkan tema yang cuba diketengahkan oleh pengarang dalam novel *Suami*, karya Ali Jusoh.
(25 markah)

LAMPIRAN

Anak Jiran Tionghua

BEGITU kecil ia berdiri di tepi pagar
kilat matanya memanggil Iskandar
siapa lalu siapa berkaca
melihat keduanya bergurau senda.

Anak Tionghua kelahirannya di sini
di bumi hijau ladang-ladang getah dan padi
ia bisa bercerita untuk siapa saja
di sini tanahnya dan ibunya bersemadi.

Lihat mereka sedang berebutan pistol mainan
he, jangan berkelahi
ah, anak-anak dengan caranya murni
berkelahi untuk nanti bermain kembali.

Lihat mereka tertawa riang
Ah Chew tak punya gigi sebatang
Iskandar mengesat hingus ke baju
sekarang mereka menunggu aiskrim lalu.

Bumi tercinta resapkan wahyumu
jantung mereka adalah langitmu
darah mereka adalah sungaimu
nafas mereka adalah udaramu.

Usman Awang
(*Puisi-puisi Pilihan Usman Awang 1987*)